

P.U. (A) 240/2000

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (KRITERIA PELAKSANAAN KUASA-KUASA DI
BAWAH SEKSYEN 32) (PINDAAN) 2000**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 159 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*] Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Kriteria Pelaksanaan Kuasa-Kuasa di bawah Seksyen 32) (Pindaan) 2000**.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2000.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Kriteria Pelaksanaan Kuasa-Kuasa di bawah Seksyen 32) 1996 [*P. U. (A) 19/96*] dipinda dalam perenggan 2—

(a) dengan menggantikan subperenggan (a) dengan subperenggan yang berikut:

"(a) sama ada atau tidak akan terdapat penzahiran yang secukupnya semua maklumat yang semunasabahnya diperlukan dan semunasabahnya dijangka boleh didapati dalam prospektus oleh pelabur dan penasihat profesional mereka bagi maksud membuat penilaian berdasarkan maklumat tentang-

(i) aset dan tanggungan, kedudukan kewangan, untung rugi dan prospek penerbit itu dan, dalam hal skim amanah saham atau pelaburan yang ditetapkan, skim itu;

(ii) hak-hak yang diberikan oleh sekuriti itu; dan

(iii) merit untuk melabur dalam sekuriti itu dan takat risiko yang terlibat dalam berbuat demikian;"; dan

(b) dalam subperenggan (c), dengan memotong perkataan "dan Bahagian IV Akta Syarikat 1965".

Dibuat 26 Jun 2000.

[Perb. S(8.02)443-20 Jd. 5; PN(PU²)523/II]

DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN TAN SRI DATO' ABD. AZIZ

Menteri Pembangunan Usahawan